

SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 28 April 2014

Khazanah muncul pelabur utama dalam syarikat pemaju perumahan di Filipina, 8990 Holdings, Inc

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”), melalui Syarikat Tujuan Khasnya (“SPV”), Pasir Salak Investments Ltd, telah memeterai Perjanjian Pelaburan Utama untuk terbitan saham yang bakal dilaksanakan oleh 8990 Holdings, Inc (“8990 Holdings”), sebuah syarikat pemaju perumahan besar-besaran di Filipina. Khazanah akan melabur sejumlah PHP2,925 juta (kira-kira RM215 juta^[1]) untuk menguasai kira-kira 8% kepentingan dalam 8990 Holdings^[2].

Pelaburan tersebut menandakan kemasukan Khazanah ke Filipina yang akan memberi peluang kepadanya untuk memanfaatkan pertumbuhan unik negara berkenaan. 8990 Holdings merupakan salah sebuah syarikat pemaju perumahan unggul dalam segmen perumahan rakyat yang mempunyai permintaan tinggi di Filipina. Syarikat tersebut telahpun menjual kira-kira 26,000 unit rumah, termasuk kediaman yang telah siap serta projek-projek yang kini sedang disiapkan.

Dengan tumpuan diberikan kepada *perumahan sosial* dan *perumahan ekonomi*^[3], projek-projek yang dikendalikan oleh 8990 Holdings adalah bagi memenuhi permintaan golongan yang berpendapatan rendah. Syarikat tersebut mempunyai projek-projek perumahan di seluruh Filipina, termasuk di Cebu, Davao, Iloilo, Cavite dan Pampanga. 8990 Holdings yang tersenarai di Bursa Saham Filipina kini dalam proses menawarkan saham susulan bagi mengumpul dana untuk membiayai perkembangan operasi pada masa depan.

Dengan rekod prestasi yang baik, 8990 Holdings dijangka mampu membantu menangani masalah kekurangan perumahan mampu milik di Filipina pada masa ini melalui penyediaan penyelesaian inovatif yang memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah dengan menggabungkan kaedah pembinaan pantas, program pembiayaan yang mampu dimiliki serta pengurusan yang menyeluruh.

Keputusan Khazanah untuk melabur dalam 8990 Holdings memberi peluang kepadanya untuk menimba pengalaman yang dapat digunakan dalam pembangunan perumahan mampu milik di Malaysia secara khususnya dan di rantau ini secara amnya.

Ekonomi Filipina merupakan antara yang paling pesat berkembang di rantau ini dan negara berkenaan telah mencapai penarafan gred pelaburan, baru-baru ini. Keluaran Dalam Negara Kasar (“KDNK”) sebenar Filipina telah berkembang 6.8% pada 2012 dan 7.2% pada 2013. Pertumbuhan dan prospek

^[1] Kadar pertukaran matawang asing MYR1.00 = PHP13.63

^[2] Pemikilan bergantung kepada harga saham sebenar yang akan ditentukan melalui proses pembentukan buku

^[3] Menurut Majlis Penyelaras Perumahan dan Pembangunan Bandar Filipina (HUDCC), kediaman *perumahan social* dijual pada harga sehingga PHP450,000 (kira-kira RM33,000) sementara kediaman *perumahan ekonomi* pula dijual pada harga antara PHP450,001 dan PHP1.25 juta (antara RM33,000 hingga RM92,000)



KHAZANAH
NASIONAL

perdagangan dijangka terus kukuh dengan jangkaan peningkatan kestabilan politik dan keselamatan di selatan Filipina.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my atau hubungi Mohd Asuki Abas di talian +603 2034 0000 atau melalui e-mel di asuki.abas@khazanah.com.my

Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk memegang dan menguruskan aset komersil Kerajaan dan menjalankan pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti tenaga, telekomunikasi, perbankan, penjagaan kesihatan, pengurusan lapangan terbang, prasarana, riadah & pelancongan, pembangunan harta tanah, penyiaran, pegangan pelaburan serta teknologi. Antara syarikat tersenarai utama di bawah portfolio pelaburan Khazanah adalah Telekom Malaysia Bhd., Tenaga Nasional Bhd., CIMB Group, Axiata Group Bhd., IHH Healthcare Bhd., Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd.